



# KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000

Ruj. Kami : NIH.600-1/1/1 (45)

Tarikh : 14 Ogos 2024

## SENARAI EDARAN

YBhg Dato' Seri/ Datuk/ Dato' Indera/ Datin Paduka/ Dato'/ Datin/ Tuan/Puan

### **SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL./S /2024: GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SISTEM REGISTRASI PESAKIT DI FASILITI KKM**

#### 1.0 Tujuan

Surat pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai penggunaan "*Guidelines on Patient Registry Establishment and Implementation in Ministry of Health Malaysia*" sebagai sumber rujukan bagi penubuhan dan implementasi sistem registri pesakit di Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### 2.0 Latar belakang

- 2.1 Sistem registri pesakit memainkan peranan yang penting dalam memahami beban penyakit, keberkesanan intervensi serta kualiti penjagaan kesihatan.
- 2.2 Registri-registri yang terdapat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sudah wujud seawal tahun 1992, dengan kebanyakannya menggunakan sumber dana penyelidikan.
- 2.3 Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat serta pendigitalan maklumat kesihatan, pelbagai sistem registri pesakit telah ditubuhkan oleh pihak KKM dan agensi swasta, dengan fokus yang berbeza, sumber dana yang pelbagai, serta kaedah implementasi yang tidak seragam.
- 2.4 Justeru, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan registri, terutamanya dari segi kemampanan operasi registri, keperluan kewangan, kepakaran teknikal, serta tadbir urus data dan maklumat.
- 2.5 Oleh yang demikian, keputusan Mesyuarat Pembangunan Rangka Kerja Pengurusan Registri Klinikal Bil 1/2023 pada 27 September 2023 mengutarakan keperluan diwujudkan satu garis panduan kawalselia untuk

penubuhan, pelaksanaan yang menjamin kelestarian registri-registri pesakit di KKM.

- 2.6 Bagi tujuan ini, Institut Kesihatan Negara bersama Bahagian Perancangan telah mengolah satu dokumen garis panduan, dengan mengambil kira input-input penting dari pihak berkepentingan.
- 2.7 Garis panduan ini telah dirangka dengan merujuk kepada saranan-saranan yang terdapat dalam dokumen *EU-PARENT: Joint Action cross-border Patient Registry Initiatives* dan *Framework for Australian Quality Registries* tetapi diadaptasikan untuk mengambil kira konteks pengurusan data, maklumat dan aplikasi di KKM.

### **3.0 Objektif garis panduan**

- 3.1 Menyediakan panduan tadbir urus data dan maklumat kepada pihak berkepentingan yang terlibat dalam pengurusan sistem registri pesakit.
- 3.2 Menyediakan panduan dan piawaian pengendalian projek pembangunan dan implementasi sistem registri pesakit di KKM.

### **4.0 Pemakaian garis panduan**

- 4.1 Garis panduan ini terpakai untuk:
  - a. Kumpulan berkepentingan (*interest groups*) yang berhasrat untuk menubuhkan sistem registri pesakit.
  - b. Pihak yang terlibat dalam pembangunan, penyelenggaraan atau langganan aplikasi registri pesakit.
  - c. Pihak berkepentingan lain, termasuk penyedia perkhidmatan kesihatan, penyelidik, pembuat dasar, serta kumpulan advokasi pesakit
- 4.2 Secara dasarnya, garis panduan ini mendefinisikan sistem registri pesakit sebagai:
  - a. Aktiviti pengumpulan data individu yang berkaitan dengan;
    - i Pendedahan (*exposure*) kepada faktor risiko penyakit; ATAU
    - ii Penyakit atau kondisi yang dihidapi pesakit; ATAU
    - iii Prosedur atau rawatan yang diterima pesakit
  - b. Pengumpulan data individu ini perlu dikaitkan dengan sesuatu Outcome.

- c. Penubuhan sistem registri pesakit di KKM hendaklah mengambilkira kriteria berikut:
  - i Pengumpulan data di peringkat kebangsaan (multi-centre).
  - ii Integrasi dengan sistem sedia ada di KKM
  - iii disokong oleh Ketua Perkhidmatan.
  - iv Lain-lain kriteria yang ditentukan oleh KKM.

## 5.0 Tanggungjawab

- 5.1 Ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir Urus Data dan Maklumat Registri akan dilantik dari kalangan pihak-pihak yang berkepentingan dalam implementasi sistem registri pesakit di KKM.
- 5.2 Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal) manakala urusetia bersama bagi Jawatankuasa ini adalah Pejabat Pengurus, Institut Kesihatan Negara dan Pusat Informatik Kesihatan, Bahagian Perancangan.
- 5.3 Semua pihak berkaitan disarankan untuk mengikuti terma-terma yang dikemukakan dalam garis panduan, terutamanya berkaitan pengumpulan data di fasiliti KKM.
- 5.4 Secara umumnya, semua data yang dikumpulkan dari fasiliti KKM, sistem pengumpulan data yang dibiayai oleh KKM dan sistem pengumpulan data yang diuruskan dan dikawal selia oleh staff KKM adalah tertakluk kepada tadbir urus Jawatankuasa Tadbir Urus Data dan Maklumat Registri KKM.
- 5.5 Ketua Program disarankan untuk membantu memantau implementasi garis panduan ini dalam pelan pembangunan sistem registri pesakit di bawah pengurusan masing-masing.
- 5.6 Garis panduan lengkap boleh dirujuk dan dimuat turun pada pautan dan imbasan kod QR yang diberikan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, sila berhubung dengan pihak sekretariat seperti yang tertera di bawah:

Sekretariat  
Jawatankuasa Tadbir Urus Data dan Maklumat  
Registri KKM  
Pejabat Pengurus,  
Institut Kesihatan Negara (NIH)  
Tel: 03-3362 6737  
Email: registri\_kkm@moh.gov.my

## **6.0 Penutup**

Diharapkan dengan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, pelaksanaan garis panduan ini dapat mengukuhkan tadbir urus serta menyeragamkan operasi sistem registry pesakit di KKM. Garis panduan ini telah disusun agar semua pihak berkepentingan mendapat maklumat yang jelas mengenai tatacara pembangunan dan pengurusan sistem registri pesakit untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN)**

**Ketua Pengarah Kesihatan,**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

## LAMPIRAN



Sila imbas kod QR untuk pautan bagi garis panduan: ***“Guidelines on Patient Registry Establishment and Implementation in Ministry of Health Malaysia”***:

<https://library.nih.gov.my/e-doc/flipbook/nih/moh-guidelines-patient-registry-establishment-implementation/index.html>

## **SENARAI EDARAN**

### Ketua Setiausaha KKM

- Setiausaha Bahagian Kanan (Pembangunan)
- Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa)
- Penasihat Undang-Undang
- Ketua Audit Dalam
- Unit Komunikasi Korporat
- Ketua Unit Integriti

### Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

- Setiausaha Bahagian (Sumber Manusia)
- Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan)
- Setiausaha Bahagian (Pembangunan Kompetensi)
- Setiausaha Bahagian (Pengurusan Maklumat)
- Setiausaha Bahagian (Pengurusan Latihan)

### Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan)

- Setiausaha Bahagian (Perolehan dan Penswastaan)
- Setiausaha Bahagian (Kewangan)
- Setiausaha Bahagian (Akaun)

### Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)

- Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
- Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
- Pengarah Bahagian Sains Kesihatan Sersekutu
- Pengarah Bahagian Kejururawatan
- Pengarah Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

### Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

- Pengarah Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga
- Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit
- Pengarah Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam
- Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan
- Pengarah Bahagian Pemakanan

Pengarah Kanan (Kesihatan Pergigian)

Pengarah Kanan (Perkhidmatan Farmasi)

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal)

- Pengarah Bahagian Perancangan
- Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan
- Pengarah Bahagian Kawalselia Radiasi Perubatan
- Pengurus Institut Kesihatan Negara

Pengarah Kanan (Keselamatan dan Kualiti Makanan)

- Pengarah Bahagian Perancangan, Pembangunan Dasar dan Standard Codex
- Pengarah Bahagian Pematuhan dan Pembangunan Industri

Pengarah Hospital Kuala Lumpur

Pengarah Institut Perubatan Respiratori

Pengarah Institut Kanser Negara

Pengarah Pusat Darah Negara

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Perak

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Pengarah Kesihatan,  
Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Johor

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Pengarah Kesihatan,  
Jabatan Kesihatan WP Labuan

Semua Ketua Perkhidmatan Kepakaran/Subkepakaran